

ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis urutan tanya-jawab dalam konteks penggunaannya yang sebenar seperti yang terdapat dalam teks dengan mengambil kira hubungan antara sesuatu ayat tanya dengan ayat-ayat lain yang melatarinya.

Kajian ini menggunakan kaedah kajian pustaka. Kaedah ini dilakukan untuk mengumpul bahan yang berkaitan dengan Teori Lakuan Pertuturan (seterusnya TLP) dan bahan-bahan yang relevan dengan teks novel *Salina*. Analisis data dibuat menurut kerangka TLP. Berdasarkan syarat-syarat kesesuaian dalam TLP, ayat-ayat tanya dalam novel ini cuba dibuktikan sama ada mendukung maksud pertanyaan sahaja atau maksud-maksud yang lain.

Hasil kajian mendapati bahawa ayat tanya dalam novel *Salina* ini telah digunakan bukan sahaja sebagai pertanyaan tetapi sebagai pengungkap pelbagai maksud yang lain seperti permintaan, pemyataan, pengesahan, ajakan, nasihat, amaran dan pelarian. Tindak balas kepada urutan tanya-jawab juga mendukung pelbagai kemungkinan maksud seperti jawapan, persetujuan, penerimaan, penolakan dan ketidakendahan. Tindak balas ini pula diperluas dan diberi penerangan lanjutan oleh pendengar.

Sebagai kesimpulan, kajian ini membuktikan bahawa maksud penutur dan pendengar harus diambil kira dalam menentukan maksud sebenar sesuatu

bentuk bahasa kerana bahasa yang realistik adalah bahasa yang digunakan di kalangan penutur dan pendengar dalam komunikasi seharian.

ABSTRACT

The objective of the study is to analyse question-answer sequences in its context of actual use. This analysis takes into consideration relationships between sentences found in the discourse of a text.

The library research method was used. This methodology was chosen to gather data relevant to the novel *Salina*. The Speech Act Theory model was the basis for analysis. According to felicity conditions specified in the Speech Act Theory, the interrogative sentence in the novel was investigated to prove whether the interrogative sentence merely asks a question or carries other meaning.

The findings of the study suggest that the interrogative sentence in the novel *Salina* was used not only for questioning, but also carried meaning like request, statement, affirmative, offer, advice, warning and escapism. Responses to the interrogative sentence also showed various meanings like answer, agreement, rejection, acceptance and indifference. These responses are extended and given further accounts by the listener.

In conclusion, the study revealed that the notion of meaning from the speaker and hearer must be taken into consideration when identifying meaning

in language. Language use therefore is a reflection of actual language by the user for the listener in daily communication activities.